


DOSM/BIPD/1.2025/SERIES 30

MALAYSIA KINI PENERAJU DATA TERBUKA #1 DUNIA

disediakan oleh Bahagian Integrasi & Pengurusan Data (BIPD)

MALAYSIA DINOBATKAN SEBAGAI PENERAJU DATA TERBUKA NOMBOR #1 DUNIA

Malaysia mencipta sejarah apabila menduduki tempat pertama dunia dalam Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dengan skor keseluruhan 90, mengatasi 198 negara lain menurut laporan rasmi Biennial oleh Open Data Watch (ODW), yang diumumkan pada 29 April 2025. Malaysia mendahului Singapura, Finland, Denmark, dan Poland dalam pencapaian keseluruhan dan Malaysia turut mencapai skor keterbukaan sebanyak 99. Pencapaian ini menunjukkan lonjakan ketara berbanding kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.



Country Profile Malaysia 2024 View Results

90 **Malaysia** **1st** GLOBAL RANK OUT OF 198 **79** COVERAGE SCORE OUT OF 100 **99** OPENNESS SCORE OUT OF 100

Tahukah Anda?

Penilaian ODIN dilaksanakan berdasarkan dua komponen utama iaitu keterbukaan (*Openness*) dan liputan (*Coverage*).

APAKAH ITU ODIN?

Open Data Inventory (ODIN) merupakan satu penilaian global yang dilaksanakan oleh Open Data Watch bagi menilai tahap kelengkapan dan keterbukaan statistik rasmi sesbuah negara. Penilaian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenal pasti jurang dalam penyediaan data, menggalakkan dasar data terbuka, mempertingkatkan capaian kepada data rasmi serta mengukuhkan jaringan komunikasi data antara pengguna data dan agensi statistik negara (NSO).

Imbas kod QR untuk akses profil Malaysia dalam ODIN 2024/25 oleh Open Data Watch.



Sumber: Open Data Watch, 2025




PENCAPAIAN ODIN

Malaysia telah dinobatkan sebagai negara nombor satu dalam penarafan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dengan skor keseluruhan 90 daripada 100, merangkumi skor liputan sebanyak 79 dan skor keterbukaan yang cemerlang iaitu 99.

OPENDOSM PENYUMBANG UTAMA PENCAPAIAN ODIN

OpenDOSM merupakan tulang belakang utama kepada pencapaian Malaysia dalam Open Data Inventory (ODIN) 2024/25. Kejayaan ini turut disokong oleh platform data terbuka yang lain seperti data.gov.my dan MySIDC yang bersama-sama memenuhi kriteria penilaian ODIN yang merangkumi aspek keterbukaan, liputan data dan indikator.



Tahukah Anda?

MySIDC merupakan platform data terbuka pertama sebelum pelancaran OpenDOSM. Kini, MySIDC sedang menjalani proses migrasi ke OpenDOSM untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.

RANTAIAN KE HADAPAN

Persediaan ke hadapan, tindakan susulan yang telah dikenal pasti bagi meningkatkan lagi skor keseluruhan serta memperkuuh tahap keterbukaan dan keberkesanan penyampaian data rasmi negara. Antara langkah penambahbaikan untuk liputan data yang dicadangkan adalah seperti berikut:

1 Penerbitan Data Siri Sejarah (Historical Data)

Memperluaskan liputan set data siri masa dengan memastikan ketersediaan sekurang-kurangnya 6 hingga 10 tahun terakhir.

2 Penyediaan Data Terperinci

Menyediakan set data yang lebih terperinci dengan memasukkan pecahan kategori bagi elemen hasil kesihatan, statistik jantina, jenayah dan keadilan, pencemaran serta tenaga sebagai langkah ke hadapan.

CIRI-CIRI UTAMA OPENDOSM

Berikut merupakan ciri utama OpenDOSM yang menyumbang pada peningkatan skor Malaysia dalam penilaian ODIN, khususnya dalam aspek liputan dan keterbukaan data.

→ Akses Data Terbuka & Perkongsian Data Digital

Data rasmi yang tersedia percuma, mudah dicapai di semua peranti, dan boleh dimuat turun dalam pelbagai format secara terus atau melalui integrasi API.

→ Visualisasi Data yang Interaktif

Penyediaan paparan data dalam bentuk graf, carta, papan pemuka (*dashboard*) dan peta interaktif bagi memudahkan kefahaman serta penganalisisan data.

→ Ciri Mesra Pengguna & Integrasi Bersepadu

Merangkumi langganan emel untuk penerbitan terkini, Kalender Awalan Keluaran (ARC), serta mod gelap untuk keselesaan paparan.

Imbas kod QR untuk melayari platform OpenDOSM.



3 Penyediaan Metadata Rujukan

Menambah baik komponen metadata seperti definisi dan tarikh bagi meningkatkan pemahaman dan ketelusan penggunaan data

4 Penerbitan Data Siri Masa Terkini

Memastikan set data terkini merangkumi sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun terakhir untuk menggambarkan tren semasa.

5 Penerbitan Data Granular di Peringkat Kawasan

Menyediakan set data pada peringkat subnasional seperti negeri dan daerah.

Sumber: Open Data Watch, 2025



